

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membina rumah di bawah Skim Perumahan Mampu Milik bagi mengatasi permintaan dan keperluan golongan berpendapatan rendah di kawasan Parlimen Labis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa program perumahan mampu milik sedia ada di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mensasarkan golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah pertama. Antaranya Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta 2.0.
2. Di bawah Skim MyHome, pemaju diberikan insentif sebanyak RM30,000.00 bagi projek perumahan berharga tidak melebihi RM300,000.00 khas untuk pembeli rumah pertama yang berpendapatan tidak melebihi RM10,000.00 (bagi satu isi rumah).
3. Manakala melalui Skim Perumahan Mampu Milik Swasta 2.0 pula, pemaju diberikan insentif sehingga 10% daripada harga jualan rumah atau maksimum RM30,000.00 (mengikut mana yang terendah) bagi unit rumah berharga tidak melebihi RM500,000.00 khas untuk pembeli

rumah pertama berpendapatan isi rumah RM15,000.00 dan ke bawah.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, skim ini merupakan langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik di setiap negeri di seluruh negara yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah pertama dan pemaju-pemaju swasta.

5. Sehingga 31 Ogos 2019, Kementerian belum menerima sebarang permohonan untuk menyertai skim ini daripada pemaju swasta berkaitan cadangan pembangunan projek perumahan mampu milik di kawasan Parlimen Labis, Johor.

Sekian, terima kasih.